

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

Apa Ibadah dan Mengapa Bid'ah

Durasi: 1:42:13

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:11 - 3:05)

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t diucapkan kepada semua penonton Perbincangan Rakyat Demi Melayu. Pada malam ini, kita akan berbicara tentang topik Apa Ibadah dan Mengapa Bid'ah? Untuk membicarakan topik itu pada malam ini, kita akan mempelawa para panel yang akan bersama dengan kita pada malam ini. Yang pertama, kita bersama dengan Ustaz Safwan Zainal Asmin yang merupakan tenaga pengajar di Madrasah Al-Alamiah, Pahang. Kita juga bersama dengan Ustaz Engku Ahmad Fadzil Bin Engku Ali yang merupakan ahli jawatankuasa Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISLAMI) dan kita juga bersama dengan Ustaz Dr. Abdullah Jalil yang merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. Assalamualaikum dan selamat datang diucapkan kepada semua ahli panel. Untuk memulakan topik perbincangan pada malam ini yang berkait dengan 'Apa Ibadah dan Mengapa Bid'ah', majlis Perbincangan Rakyat Demi Melayu dengan sukacita ingin menjemput Ustaz Safwan untuk menjelaskan tentang satu kenyataan dimana kita ini berjanji seluruh hidup dan mati kita ini kerana Allah dan di dalam setiap hari dalam solat sekalipun kita ada menyertakan sedemikian. Jadi sebenarnya, apakah yang dimaksudkan dengan ibadah ini dan apakah perbezaan antara ibadah atau adat dan adakah ibadah ini hanya tertakluk dengan membaca Al-Quran, solat dan ingat kepada Allah sahaja. Silakan Ustaz.

Ustaz Safwan Zainal Asmin (ahli panel) = (3:08 - 13:49)

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiya'e Wal Mursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah Wa Syukurillah kita dapat berhimpun pada malam ini dengan penuh kasih sayang yang mana tujuan perhimpunan itu ialah untuk membicarakan tentang ilmu-ilmu yang bermanfaat. Diharapkan ilmu-ilmu yang bermanfaat itu kita dapat beramal dan jadi apa yang kita tahu. Berdasarkan soalan yang disoalkan oleh Tuan tadi, apakah yang dimaksudkan dengan ibadah dan bagaimanakah yang dikatakan perjanjian kita dengan Allah yang kita baca sehari, semalam dalam doa iftitah iaitu "*Inna solaatii wa nusukii wa mahyaaya wa mamaatii lillaahi Rabbil 'aalamiin.*" dan soalan yang seterusnya. Pertama sekali, kita perlu faham apakah itu

makna ibadah. Jadi, ibadah ini ada kaitan dengan عب iaitu dengan hamba. Sebab apabila kita lihat kata dasarnya, عبادَة, ibadah dan juga عباد juga عب iaitu hamba. Jadi, pertama sekali yang dikatakan dengan ibadah itu ia berkait dengan hamba. Iaitu pengabdian hamba kepada Tuhannya iaitu kepada Allah. Sebab itu, dinamakan Abdullah (عبدالله) yakni, hamba kepada Allah. Jadi, hamba kepada Allah itu menunjukkan betapa hampirnya kita dengan Allah. Ia menunjukkan yang nama pertama kita itu memang ibadah (عباده), memang hamba yang dikaitkan dengan ibadah. Macam kalau kita kata 'rumah saya', 'kereta saya'. Jadi hampirnya rumah itu dengan saya atau hampirnya kereta itu dengan saya. Jadi begitulah apabila dikatakan Abdullah (عبدالله) yakni, hamba kepada Allah. Bila kita sebut perkataan ibadat itu tinggal lagi kita perlu faham ibadat itu ada pembahagian-pembahagiannya. Ada yang ibadat pada zahir dan ada yang ibadat pada batin. Jadi, kehambaan, persembahan, luahan yang kita luahkan kepada Allah itulah yang dinamakan ibadat. Yang mana dikaitkan dengan aman harakatul jismi awil qalbi yakni gerak diam yang berlaku pada jisim yang pada badan kita ataupun awil qalbi gerak diam yang berlaku kepada hati. Jadi, segala gerak diam itu dikaitkan dengan hamba dan hamba itu dikaitkan dengan ibadah. Tinggal lagi waktu bilakah ibadah itu menjadi sebenar-benar ibadah? Ataupun boleh jadi ibadah jadi pada surah tapi pada hakikatnya dia tidak jadi ibadah. Ataupun memang dia tidak menjadi ibadah tetapi dia menjadi adah. Jadi, penting di situ kita hendak memahami dahulu bahawa makna ibadah ini, yakni menyerlahkan, meluahkan kehambaan, pengabdian kita kepada Allah SWT. Jadi, di sini kita dapat memahami bahawa ibadat itu ada baginya zahir, ada baginya batin. Yang mana hari ini bila kita sebut ibadat, ramai antara kita yang tertumpu kepada surah yakni pada luaran itu, pada sembahyang itu, pada rupa sembahyang itu. Kalau Al-Quran pula pada bacaan Al-Quran itu. Ya, apa sahajalah ibadah-ibadah, selawat, zikir dan sebagainya itu pada luaran. Sedangkan asal usul ibadah itu daripada dalam dan diterjemahkan keluar. Ini kerana kehampiran di antara hamba dengan Tuhan itu tadi. Jadi, ibadah ataupun yang kita katakan amal ibadah, bila kata amal ini ialah gerak diam yang berlaku pada zahir dan pada batin. Apabila gerak diam yang berlaku pada zahir itu yakni selaras dengan apa yang Allah taala mahukan, maka itu dinamakan طاعة yakni ketaatan. Tapi apabila tidak selaras gerak diam yang berlaku pada luaran itu dengan apa yang Allah mahukan, itu dinamakan maksiat. Jadi, ibadah taat atau maksiat ini berlaku pada zahir mahupun juga berlaku pada batin. Sebab itu dalam sembahyang seperti yang disoal tadi, jelas makna ibadat ini yakni luahan kasih yang berlaku pada luaran dan dalaman dan asalnya yang diluar itu daripada dalam ia diserlahkan keluar. Tinggal lagi akhir

zaman ini, ramai orang yang melakukan ibadat yang pada luaran nampak ibadat tetapi pada dalaman itu kosong. Sudah tidak ada sudut-sudut kehadiran hati itu. Ini kerana tujuan daripada ibadat itu ialah untuk menghadirkan hati kita kepada Allah. Apa sahaja amalan-amalan luaran yang kita buat itu sangat kuat kaitan amalan itu dengan dalaman kita. Jadi, tujuan ibadah ataupun segala amalan-amalan yang kita lakukan itu adalah untuk mengukuhkan bahagian tumpuan dalaman diri manusia itu. Jadi, kita ucapkan "*Inna solaatii wa nusukii wa mahyaaya wa mamaatii lillaahi Rabbil 'aalamiin.*". "*Inna solaatii*" katakan sesungguhnya sembahyangku. "*wa nusukii*" dan ibadatku. "*wa mahyaaya wa mamaatii lillaahi Rabbil 'aalamiin.*" dan segala hidupku, segala matiku kerana Allah taala. "*Laa syariikalahu*" Tidak ada sekutu bagiMu. Jadi, setiap gerak diam yang dibuat kerana Allah itu dinamakan ibadah. Tidak kira dimana saja, apa saja yang kita lakukan itu selagi kita kata gerak dan diam, sebab manusia itu tidak lepas sama ada dia bergerak ataupun dia diam. Jadi gerak dan diam itu dinamakan ibadah sekiranya dua perkara ini, niatnya itu niat yang soleh dan niat yang benar. Yang kedua dalam niatnya itu dihadirkan hati dengan Allah SWT. Jadi seorang yang bergerak ataupun diam dan disertai dengan niat "*lillaahi Rabbil 'aalamiin,*" (kerana Allah SWT) dan niat itu dipantau supaya sentiasa hadirkan hati, maka itu dikatakan ibadah. Adapun seorang itu pada surahnya dia melakukan ibadat, seperti sembahyang, berpuasa dan apa sahaja ibadat-ibadat yang khusus dan ibadat yang am tetapi jika tidak disertakan niat yang sebenar dan niat itu tidak dihadirkan dalam hati yang berkekalan maka boleh jadi ibadat itu bertukar menjadi adat. Oleh kerana itu, kalau kita melihat manusia itu semakin lama mereka lakukan ibadat akan timbul 3 penyakit. Iaitu penyakit, *ملاال*, *كسل* dan *فتور*. *Malalun* (*ملاال*) bermaksud jemu. *Kaslun* (*كسل*) bermaksud malas. *Futurun* (*فتور*) bermaksud letih atau lesu. Kalau kita tengok berapa banyak ibadat yang kita buat sebagai contoh ibadat sembahyang, lagi banyak kita buat hasil daripada sembahyang itu makin lama makin berat, makin lama makin malas, makin lama makin letih kita nak buat dan menegakkan sembahyang itu. Sedangkan Allah mengatakan orang yang sembahyang itu tanha anil fahsa iwwal munkar dia akan timbul semangat yang tinggi, dia akan timbul kekuatan jati diri. Tetapi hasilnya tidak begitu. Jadi, perlu diperiksa dalam kita menegakkan ibadat itu, periksa pada sudut zahir dan batin. Dan ingat, segala ibadat yang kita buat di luar ini kuat kaitannya dengan dalaman. Bukan kita hendak kuatkan yang luaran sahaja. Kedatangan Nabi SAW itu ialah untuk mengukuhkan jiwa hati seorang insan. Oleh sebab itu, apabila sudah diperiksa dan telah pastikan luaran dan dalaman bersatu, mengingatkan diri kita dengan niat yang benar dan hadirkan niat itu

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

supaya berkekalan. Kalau kita dapat melakukan seperti itu maka seluruh kehidupan kita akan menjadi ibadat kerana manusia tidak boleh terlepas daripada gerak dan diam. Dan gerak dan diam itulah yang dikatakan sebagai kehidupan. Mudah-mudahan penerangan itu sedikit sebanyak membantu apakah itu makna ibadah dan apakah kaitan yang menyatakan kita hidup semuanya “*Inna solaatii wa nusukii wa mahyaaya wa mamaatii lillaahi Rabbil ‘aalamiin.*”. Kalau hidup kita betul-betul *lillah* yakni ibadat kita *lillah* dan mati kita pun akan jadi *lillah*.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (13:49 - 14:46)

Insya-Allah. Baik terima kasih diucapkan kepada Ustaz Safwan atas penerangan apa itu ibadah. Jadi, soalan seterusnya kita akan tanyakan kepada Dr. Abdullah Jalil di mana sebentar tadi Ustaz Safwan telah menerangkan ibadah itu datangnya daripada dalam, kita letakkan Allah dan segala tindakan kita ini cuma dizahirkan tanda kita kasih sayang semua. Mungkin dari segi Dr. Abdullah boleh jelaskan dimana kalau kita makan sekalipun, makan asam pedas ke, makan *KFC* ke adakah itu juga satu ibadah dan ada segelintir pihak mengatakan sebagai contoh, pada zaman Nabi mereka tidak makan *steak* zaman kita ada *bbq*. Adakah itu ibadah kalau niat kita untuk Allah dan adakah ia menjadi satu bid'ah. Silakan.

Ustaz Dr. Abdullah Jalil (ahli panel) = (14:50 - 27:40)

Bismillah Walhamdulillah Was Salaatu Was Salaam ala Rasulillah wa Alihi wa Shahbihi wa man walah, amma ba'du. Yang saya hormati saudara Lokman dan yang saya hormati rakan-rakan panel Ustaz Safwan dan Ustaz Engku. Jadi soalan yang ditanya itu agak *simple*. Terutamanya adakah makan itu boleh menjadi ibadah. Sebenarnya seluruh hidup kita ini boleh menjadi ibadah. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Ustaz Safwan. Cuma kita perlu faham bentuk-bentuk ibadah ini ada pelbagai bentuk. Ada bentuk ibadah yang khusus. Ada bentuk ibadah yang terikat dengan tempat seperti tawaf, ada ibadah yang terikat dengan masa-masa tertentu dan ada ibadah yang maksudnya luas dan ibadah yang paling luas adalah zikrullah dalam Islam. *Okay* saya tidak akan ulas bab zikrullah saya ulas bab ibadah. Adakah makan kita boleh dijadikan ibadah? Tidak, bukan makan sahaja. Kita punya minum ke, kita punya pergaulan dengan isteri ke, kita punya gurauan dengan anak-anak ke, kita pergi *jogging* ke. Semua perkara-perkara dalam kehidupan kita boleh dijadikan ibadah dengan dua syarat. Pertama, niat kita. Apakah niat kita semasa kita makan? Apakah niat kita semasa *jogging*? Apakah niat kita semasa kita

bergurau senda bersama ahli keluarga kita? Kalau niat kita adalah niat yang baik, kita bergurau senda adalah mengikut sunnah Rasulullah SAW iaitu melakukan perkara yang baik, bersangka baik dengan ahli keluarga. Ataupun kita beriadah untuk menyihatkan badan supaya dapat kekuatan untuk melakukan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas yang lain. Maka jika niat kita betul dalam melakukan perkara-perkara tersebut walaupun perkara tersebut disebutkan di dalam kitab sebagai perbuatan adat manusia, maksudnya selagi mana ia tidak mempunyai benda haram ia dibenarkan untuk dilakukan. Tetapi kalau niat kita betul dan baik maka akan diberi pahala. Itu ialah syarat yang pertama. Syarat yang kedua ialah tidak mempunyai atau tidak mengandungi elemen-elemen yang diharamkan atau ditegah oleh syariat. Jadi, apa-apa perbuatan dalam kehidupan seharian kita jika kita berniat dengan betul dan dalam perkara tersebut tidak mempunyai benda yang haram maka dia akan menjadi ibadat maka kita boleh berada dalam ibadat selama 24 jam. Oleh sebab itu, apabila kita lihat dia sebutkan antara amalan orang yang dekat dengan Allah SWT adalah mereka sentiasa menjaga niat ketika mereka ingin melakukan apa sahaja. Sama ada tidur ke, berjalan ke ataupun mereka hendak melakukan apa sahaja mereka akan pastikan niat mereka betul. Sebab itu niat ini di antara amalan yang sangat-sangat besar dalam Islam. Perkara yang kelihatan zahirnya seperti dunia boleh menjadi amalan akhirat dengan niat. Contohnya kita lihat orang yang mencari rezeki dengan berniaga macam nak cari dunia tapi niatnya taat pada perintah Allah kerana Allah perintahkan dia untuk mencari rezeki, nafkah dan sebagainya untuk melaksanakan kewajipannya. Maka walaupun zahirnya itu seperti pekerjaan dunia tetapi hakikatnya dia berada di dalam ibadah. Tetapi jika orang itu bersembahyang tapi niat sembahyangnya itu adalah untuk dipuji orang, menarik bapa mertuanya ataupun untuk menunjuk-nunjuk kepada orang maka itu kelihatan seperti perbuatan ibadat tetapi hakikatnya ia adalah perbuatan yang bukan ibadat ataupun perbuatan dunia semata-mata. Banyak perkara yang sangat berkaitan dengan niat dan sebagainya. Jadi kita kata dalam seluruh hidup kita ini semuanya boleh menjadi sebuah ibadat. Dengan syarat niat kena betul dan perkara tersebut tidak mengandungi elemen haram kalau kita kata kita niat nak makan nasi untuk kuatkan ibadah tetapi nasi itu haram, kita curi daripada orang ia tak dikira ibadat juga. Jadi itu soalan yang pertamalah, boleh ke makan menjadi satu ibadah. Ya, boleh. Semua perkara boleh menjadi ibadah dengan syarat yang disebutkan tadi. Cuma, kita kena fahamkan ada ibadat yang khusus dan ibadat yang umum. Ibadat yang umum ada yang terikat dengan seluruh kita ini ataupun kita kata ada perkara adat yang boleh menjadi ibadat dengan syarat-syarat niat dan tidak mempunyai perkara-perkara

yang dilarang syariah. Baik. Adakah asam pedas itu bid'ah? Mujur tak tanya kek *secret recipe* ke ataupun tanya kari kepala ikan ke. Dia tanya asam pedas itu bid'ah tak? *Okay* mudah saja majoriti ulama membahagikan bid'ah kepada 5 bahagian. *So* maksud 5 bahagian itu mengikut hukum taklifi. Bid'ah yang wajib, yang sunat, yang harus yang makhruh dan yang haram. Antara contoh-contoh yang diberikan oleh para ulama dalam bid'ah yang harus dipanggil at tawassul fil malazan al mukbah meluaskan diri dalam menikmati perkara-perkara yang lazat yang diharuskan. Jadi apa sahaja makanan yang tiada pada zaman Rasulullah ataupun yang tidak dimakan oleh Rasulullah SAW dari sudut definisinya bid'ah tetapi bid'ahnya ialah bid'ah yang harus kerana ulama kata melapang-lapangkan makanan selagi mana tidak haram jadi ia tergolong dalam bid'ah yang harus. Sebagai contoh, disebut bahawa Rasulullah SAW tidak makan tepung yang dianyak ataupun tepung yang halus. Rasulullah SAW makan tepung yang kasar kerana alat untuk menganyak itu tidak tersebar semasa zaman Rasulullah SAW. Tetapi setelah Rasulullah SAW wafat alat itu tersebar dan para sahabat mula memakan gandum yang halus. Maka disebut oleh para sahabat bahawa itu adalah antara bid'ah yang mereka lakukan. Maksudnya apa? Itu adalah bid'ah yang harus. Begitu juga contohnya bid'ah makan di atas meja atau menggunakan garfu atau sudu. Rasulullah SAW bukannya pada masa baginda tidak mempunyai meja. Bukan begitu. Tetapi Rasulullah memilih untuk makan di atas lantai ataupun tanah sebab Rasulullah SAW kata inilah cara makan seorang hamba dan ini cara makan yang lebih tawaduk. Jadi kalau kita makan di atas meja ulama kata ini adalah bid'ah yang harus. Saya ada terbaca juga satu buku, ada seorang yang ekstrem lah, sebutlah wahabi, ada seorang tu mengarang sebuah buku khas untuk mengharamkan bid'ah bagi mereka makan menggunakan garfu dan sudu. Bagi mereka itu merupakan tasyabbuh dengan orang khafir. Eh, nanti dulu, tasyabbuh pada orang khafir yang diharamkan tu ialah tasyabbuh yang berkaitan dengan agama. Kalau mereka pakai kereta Mercedes, kita pakai kereta Mercedes tak haram jangan kata 'oh ni kereta daripada orang khafir yang buat la apa semua' jadi kalau niat kita memakai Mercedes itu untuk orang tahu kita kaya, menunjuk-nunjuk yang kita ni kaya itu haram. Tapi kalau kita niat untuk keselamatan kita, keselesaan kita, berkhidmat kepada para masyaikh ke ataupun untuk menuntut ilmu ke pakai Mercedes tiada masalah. Itu semua termasuk dalam bid'ah-bid'ah yang harus. Jadi kari kepala ikan ke, ikan asam pedas ke, keropok lekor ke apa sahaja yang tidak pernah dinikmati oleh Rasulullah SAW itu termasuk dalam kategori bid'ah yang harus. Jadi bilakah sesuatu bid'ah itu dilarang diubah? Apabila ibadah tersebut ibadah yang terikat, terkhusus. Jadi kita kena faham

ibadat sunat ini sebagai contoh solat zohor memang dah terikat dengan 4 rakaat ataupun kalau di qasarkan menjadi 2 rakaat. Jadi tak boleh lebih daripada 4 rakaat solat zohor. Tapi kalau solat sunat ada solat sunat yang makhluud muadat maksudnya yang ditentukan kadar maksimum macam kita kata solat sunat rawatib dan sebagainya. Tapi ada solat sunat yang tidak ditentukan kadar maksimumnya seperti solat sunat mutlak. Ambil contoh Imam Ahmad bin Hanbal disebut beliau bersembahyang sebanyak 300 rakaat semalam. Kenapa? Kerana mazhab Imam Ahmad bin Hanbal berpandangan solat yang paling afdal itu ialah solat yang paling banyak sujud. Sebab itu Imam Ahmad memperbanyakkan sujud dalam satu malam. Jadi kalau 300 rakaat ada 600 kali sujud berbeza dengan Imam Syafie yang berpandangan bahawa solat yang paling afdal adalah solat yang paling panjang qiamnya kerana bagi Imam Syafie kedudukan yang paling afdal dalam solat adalah ketika berqiam membaca Al-Quran. Itu yang paling afdal bagi Imam Syafie. Kita pun tahu Imam Syafie baca Al-Quran dan khatam Al-Quran sehari sekali. Kalau bulan Ramadan, 2 kali sehari siang dan malam. Jadi Imam Ahmad ijtiadnya solat yang paling afdal, solat yang paling banyak sujud. Jadi dia memperbanyakkan sujud sehingga 300 rakaat dan tiada para sahabat yang diriwayatkan bersembahyang 300 rakaat sehari pada waktu malam. Imam Ahmad buat macam itu. Adakah Imam Ahmad ini ahli bid'ah? Tidak. Astaghfirullahaladzim. Ibadat sunat ini ialah ibadat yang paling luas dalam Islam. Bahkan macam saya kata ibadat zikir termasuklah dengan membaca doa, baca Al-Quran, bertasbih, betahalil, berselawat atau beristighfar ini adalah ibadat yang paling luas dalam Islam. Sangat pelik apabila orang menyempitkan ibadat ini. 'Oh, tak boleh begini, tak boleh pada malam ni, tak boleh...'. Kalau kita nak kata yang mentakhsiskan kita kena bezakan, saya belajar dulu, tetapi takut masa tak sempat. Saya tutup dengan inilah untuk pusingan pertama ini. Takhsis yang diharamkan itu kata guru saya, mentakhsiskan ibadat yang diharamkan itu ialah kalau kita takhsiskan contohnya, saya nak baca yassin lepas subuh. Saya mengkhususkan baca yassin selepas subuh. Dalam masa yang sama saya mengharamkan membaca yassin pada waktu-waktu yang lain. Itu baru dinamakan takhsis yang melampaui syariat. Tetapi kalau saya menyusun jadual saya. Lepas subuh baca yassin, lepas maghrib baca yassin. Ataupun lepas subuh saya mesti baca yassin setiap hari kerana ada riwayat yang mengatakan bahawa sesiapa yang membaca yassin pada pagi hari Allah mudahkan urusan dia pada hari tersebut dan ini mujarab. Jadi, itu tertib ibadat ataupun takhsis ibadat yang tidak haram. Macam kita katalah zaman sekarang ini kita kerja daripada pukul 8-5 petang. Ada dalil tak yang kena kerja 8-5 petang? Ada tak dalil? Tak bid'ah ke kalau kerja 8-5

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

petang. Kenapa tak dikhususkan kerja daripada pukul 8 hingga pukul 5 petang dia jadi imam. Dia kena datang ke masjid daripada pukul ini ke pukul ini. Dia jadi pensyarah di universiti dia kena mengajar subjek Hadis setiap hari Isnin pukul 10 hingga pukul 12. Setiap hari Isnin. Dia juga mengkhususkan waktu. Tapi adakah dia mengharamkan perkara tersebut pada waktu yang lain? Tidak. Jadi, kita kena faham perbahasan tahsinul ibadah yang mana yang dibenarkan, yang mana yang diharamkan, terutama sekali amalan sunat. Jangan tergesa-gesa. Amalan sunat ini luas. Golongan yang mutashabih yang menyempitkannya. Maaf saya mengambil masa, terima kasih.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (27:40 - 28:53)

Terima kasih Dr. Abdullah. Jadi itulah dia dimana ibadah ini dia ada ibadah umum dia ada ibadah khusus. Ibadah umum ialah mana-mana yang berkait dengan perkara sunat buatlah seberapa banyak yang boleh asalkan niatnya untuk mengejar pahala dan mendekatkan diri dengan Allah. Tetapi ibadah khusus itu janganlah dipandai-pandai nak mengubahnya. Itulah ceritanya. Baik jadi untuk perkaitan dengan cerita ini dimana apabila kita menggunakan ibadah khusus, ibadah umum ini, ada pihak yang berpendapat ‘oh, benda ni zaman nabi tak buat. Kenapa kita memandai nak buat?’ Sama juga seperti *Facebook*. Zaman nabi dahulu tiada *Facebook*, zaman kita ada *Facebook* tapi mereka pun guna juga. Kenapa mereka tidak katakan ia sebagai satu masalah. Dan kepada Ustaz Engku kita nak tanya dari segi atau kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah apa takrifan bid’ah itu dan benarkah ada bid’ah yang dibolehkan dan ada bid’ah yang dilarang. Kalau ada mungkin ustaz boleh perelaskan perkara ini. Silakan.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (28:58 - 39:30)

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah Rabbil ‘Alamin. Alhamdulillah yang saya hormati, tuan moderator saudara Lokman Hakiem. Seterusnya kepada rakan ahli panel, al-fadhil Ustaz Safwan Zainal dan juga al-fadhil Dr. Abdullaah Jalil yang sama-sama kita pada malam ini cuba memahami persoalan apakah ibadah dan mengapakah bid’ah. Bid’ah dalam kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah boleh dibahagikan kepada yang bahasa dan yang syarak. Kalau dari segi bahasa apa sahaja perkara yang dahulunya tidak ada kemudian dilakukan maka itu bid’ah. Mengadakan satu perkara yang dahulunya tidak ada, baik atau buruk, dunia atau agama dari segi bahasa adalah bid’ah. Sementara dari segi syarak akan memberi kesan kepada hukum. Para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah berbeza pendekatan dan bukan perbezaan pendirian. Kita kena

faham betul-betul ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah hanya berbeza pendekatan iaitu sebahagian ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah mentaarifkan bid'ah dari segi syarak secara luas iaitu perbuatan yang tidak dilakukan di zaman Rasulullah SAW itu dinamakan bid'ah. Maka oleh kerana luas ia merangkumi urusan dunia dan urusan agama, ia juga merangkumi perkara baik dan perkara buruk. Itu semuanya dinamakan bid'ah dari segi syarak asalkan tidak dilakukan di zaman Nabi SAW. Sementara ada para ahli ulama yang mengkhususkan bid'ah hanya kepada perkara baru yang dikatakan yang tidak ada dalil dalam syarak yang menunjukkan kepadanya itu sahaja yang dinamakan bid'ah apa sahaja perkara baharu yang apabila disiasat rupanya ada dalil yang menyokong maka itu tidak dinamakan bid'ah dari segi syarak walaupun ianya masih lagi dinamakan bid'ah dari segi bahasa. Maka pendekatannya berbeza. Satu umum asal tiada zaman nabi namanya bid'ah. Satu lagi khusus yang tiada zaman nabi dan tidak disokong oleh dalil sahaja namanya bid'ah. Tetapi mereka seiya sekata sama pendirian bahawa ada perkara baharu yang disokong oleh dalil atau dengan erti kata lain tidak bercanggah dengan syarak, itu tidak haram untuk kita lakukan. Tinggal lagi ulama pendekatan yang umum menamakan perkara baharu demikian sebagai bid'ah yang hasanah. Kenapa bid'ah? Kerana baharu. Kenapa hasanah? Kerana selari dengan syarak. Sementara ulama dengan pendekatan kedua tidak menamakan ia bid'ah langsung kerana mereka telah menyempitkan makna bid'ah hanya kepada perkara baharu yang tidak disokong oleh dalil. Jadi rupanya para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah sepakat di zaman kita ada golongan yang mendabik dada kononnya mereka itulah pejuang sunnah, kononnya mereka itulah golongan yang menentang bid'ah. Padahal kalau kita analisa dengan sunnah Nabi Muhammad SAW rupa-rupanya mereka ini adalah ahlul bid'ah. Mereka yang melakukan bid'ah dan mematikan sunnah bila mana mereka mendakwa bahawa setiap bid'ah dalam urusan agama itu sesat hanya bid'ah dalam urusan dunia sahaja yang dibolehkan dan mereka mendakwa kononnya mereka berpegang dengan manhaj salaf ini dakwaan yang didustakan oleh perbuatan mereka sendiri kerana ulama salaf kalau kita ambil pendekatan yang jelas daripada Al Imam As Syafie, Allah kurniakan ilmu dan juga kefasihan didalam berbicara. Dengan hanya 3 *point* Imam Syafie menerangkan masalah bid'ah ini dengan ringkas dan jelas. Apa kata Imam Syafie Rahimahullah Taala *point* yang pertama *البدعة بدعتان* perkara baharu, perkara bid'ah itu ada 2 jenis bid'ah. *Point* yang kedua *محمودة مذمومة* satu jenis bid'ah itu terpuji dan satu lagi jenis bid'ah itu terkeji. *Point* yang ketiga dan yang terakhir *فما وافق السنة فهو محمود وما* maknanya perkara bid'ah yang selari dengan sunnah yakni kena dengan ajaran Nabi terpuji *وما*

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

دخالف السنة فهو مذموم dan mana perkara bid'ah yang bercanggah dengan sunnah yakni tidak kena dengan ajaran Nabi SAW maka bid'ah itu terkeji. Selesai dengan 3 *point* ini sahaja sekian para ulama yang lain sepakat, setuju dengan Imam Syafie Rahimahullah Taala. Tidakkah ada hadis Nabi Muhammad SAW yang menyebutkan kamu lebih tahu tentang urusan dunia kamu. Jadi ada sebahagian umat Islam menyangkakan asalkan perkara itu perkara dunia tiada masalah sebagai contoh yang disebut oleh Tuan moderator *Facebook* dan sebagainya kalau kita sebut demikian mereka akan memperlekeh. Dia memandang kita jahil. Ada ke Ustaz cerita *Facebook*, cerita naik kereta, cerita guna *handphone*. Itu semua urusan dunia. Urusan dunia tidak ada masalah. Siapa kata urusan dunia tiada masalah? Kalau *Facebook* digunakan untuk memfitnah, kalau *Whatsapp* digunakan untuk mengedarkan bahan lucah, kalau perkara-perkara komputer digunakan untuk menipu dan sebagainya tetap ia haram dalam agama. Walaupun ia bid'ah dalam urusan dunia. Siapakah, ya kita mencabar kepada golongan yang mendakwa kononnya bid'ah dunia itu tiada masalah maka tolong beri bukti kepada kami siapakah dalam kalangan ulama salaf yang berpegang demikian. Siapakah dalam kalangan ulama salaf yang mendakwa kamu salafi pengikut salaf. Siapakah yang berpegang kononnya bid'ah dunia boleh, bid'ah agama sahaja yang haram. Imam Syafie Rahimahullah Taala jelas ulama salaf. Beliau menjelaskan bahawa yang dikatakan boleh itu tidak kisahlah bid'ah dunia atau agama syaratnya muwafakatul sunnah mestilah selari dengan sunnah. Demikian juga perkara itu, dunia atau agama dianggap bid'ah yang dilarang bila mana ianya bercanggah dengan sunnah. Soalan tidak akan ada hadis Nabi Muhammad SAW, Nabi bersabda setiap perkaranya bid'ah itu sesat. Kenapa Imam Syafie mengatakan ada yang terpuji, ada yang baik? Adakah kita nak ikut Rasulullah SAW ataupun kita nak ikut Imam Syafie? Jawapannya tidak timbul langsung soalan ikut Nabi atau nak ikut Imam Syafie. Kita umat Islam, kita pasti ikut Nabi SAW. Soalan yang sebenar adalah kamu nak memahami sabda Nabi SAW mengikut kefahaman para ulama seperti Imam Syafie atau kamu nak memahami kalam Nabi SAW mengikut kata-kata juhalat dan kata-kata ahlul bid'ah seperti wahabi? Itu pilihan yang ada tiada timbul nak ikut Nabi atau Imam Syafie. Maka para ulama yang memahami hadis Nabi SAW Allah taala mengatakan Imam Nawawi ini lafaznya umum seolah-olah semua bid'ah sesat tetapi maknanya dikhususkan. Bukan Imam Nawawi Rahimahullah Taala nak lawan Nabi SAW tidak mungkin. Tetapi Al Imamun Nawawi berkhidmat kepada hadis Nabi SAW dengan mengeluarkan kefahaman hadis kepada kesimpulan ayat Al-Quran pada hadis yang lain lalu barulah dibawa ke fahaman yang seimbang. Kenapa

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

Imam Nawawi tidak mengatakan semua bid'ah sesat? Pertama kerana kalimah Kullu dalam Al-Quran dan hadis kebanyakannya bermakna sebahagian. Jarang-jarang kullu dalam Al-Quran dan hadis itu bermakna kesemua. Misalnya dalam Al-Quran, Allah berfirman _taufan itu membinasakan setiap sesuatu dengan perintah daripada Tuhannya maka jadilah kaum tersebut tidak kelihatan kecuali tempat tinggal mereka. Tempat tinggal tidak binasa sedangkan tempat tinggal syaiun sesuatu, langit bumi syaiun tidak binasa, bukit bukau syaiun tidak binasa. Maka taufan itu membinasakan setiap sesuatu bermakna membinasakan kebanyakan. Demikianlah, ada Raja yang mengambil setiap sampan sebagai rampasan. Sebahagian ahli tafsir mengatakan tidak. Hanya sampan yang elok sahaja yang diambil oleh Raja yang zalim tersebut. Sampan yang berlubang tidak akan diambil. Maka itulah hikmah kenapa Nabi Khidir AS melubangkan sampan yang dinaiki oleh beliau dan Nabi Musa AS. Yang penting tidak bermakna semua. Demikian dalam hadis Nabi bersabda kullu minna adam setiap anak Adam akan dimakan oleh tanah kecuali tulang sulbi. Sedangkan jasad para Nabi tidak dimakan oleh tanah dan para Nabi adalah anak Adam. Jasad orang mati syahid dijaga oleh Allah SWT sedangkan orang yang mati syahid ialah anak Adam. Oh, kalau macam tu hadis tak betul la ustaz? Bukan hadis tidak betul cara kamu memahami hadis tidak betul. Kamu tidak boleh faham kullu minna adam dengan makna kesemua anak Adam. Kamu kena memahami kullu minna adam dengan makna kebanyakan anak Adam. Ingat, kullu dalam Al-Quran dan hadis banyak yang bermakna sebahagian. Jarang-jarang sahaja kullu dalam Al-Quran dan hadis itu bermakna kesemua. Kemudian yang seterusnya adalah kalau kita melihat mengapakah para ulama tidak memahami kullu dalam hadis wa kullu bid'atin dholalah dan setiap perkara bid'ah itu sesat kerana yang pertama, ayat suci Al-Quran menunjukkan bahawa ada di sana bid'ah yang hasanah Allah Taala berfirman sehingga ke akhir hayat Allah taala menyebutkan tentang rahbaniyah iaitu cara hidup yang fokus kepada ibadah mereka yang melakukan bid'ah tersebut. Siapa? Orang Nasara. Masa saya telah tamat. Adakah saya dibenarkan untuk lanjut sedikit untuk menghabiskan *point* ini? Katakan 3 minit lagi. Bolehkah?

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (39:30 - 39:32)

Boleh, silakan.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (39:32 - 43:27)

Baik jazakallah khair. Jadi, dalam ayat tersebut Allah taala menceritakan tentang rahbaniyah ibtadauha orang-orang Nasaralah yang membuat bid'ah tersebut makatabna alaihim kami tidak tetapkan pun rahbaniyah keatas mereka. Mereka yang melakukan bid'ah tersebut. Jadi *pointnya*, Allah Taala menceritakan bahawa walaupun asalnya mereka membuat rahbaniyah itu untuk menuntut reda Allah Taala tapi mereka tidak lagi memenuhi hak-hak rahbaniyah lalu mereka dilabelkan sebagai orang yang fasik. Maka para ulama memahami bahawa kala demikian meninggalkan sesuatu perbuatan itu dikeji oleh Allah SWT bererti perbuatan yang ditinggalkan itu adalah perbuatan yang baik kerana orang akan dipuji jika mereka meninggalkan perbuatan yang buruk dan mereka akan dikeji jika mereka meninggalkan perbuatan yang baik. Allah mengeji orang Nasara kerana meninggalkan rahbaniyah sedangkan rahbaniyah itu adalah bid'ah maka bererti dengan nas Al-Quran sendiri ada bid'ah yang baik, yang dikeji kalau kita tinggalkan. Demikian juga dalam hadis Nabi SAW bersabda *بَارِعًا وَسُنَّةً سَيِّئَةً* barang sesiapa yang mengadakan dalam Islam ini satu sunnah satu jalan yang baik maka dia mendapat pahala dan pahala orang yang menirunya. Ada orang katakan 'Oh tidak. Itu bukan bid'ah. Itu kerana bercerita tentang sedekah'. Sedekah itu perkara yang sudah lama. Bukan perkara yang baru. Demikian kalau dikatakan sunnah itu sunnah Nabi SAW yang dihidupkan. Ini adalah orang yang tidak pandai berinteraksi dengan Al-Quran dan Hadis. Cara berinteraksi dengan Al-Quran dan Hadis adalah kita mengambil kira keumuman lafaz bukan khususnya sebab mungkin ia bercerita tentang sedekah tapi lafaznya umum siapa yang mengadakan dalam Islam ini cara yang baik akan diberi pahala. Kalau dikatakan itu sunnah Nabi SAW, menghidupkan sunnah Nabi tidak betul kerana dalam hadis itu turut menyebut *بَارِعًا وَسُنَّةً سَيِّئَةً* barang sesiapa yang mengadakan dalam Islam sunnah yang buruk, kalau ditafsirkan sunnah dalam hadis dengan mana sunnah Nabi tidak akan mungkin sunnah Nabi ada yang buruk. Maka nak atau tidak sunnah dalam hadis itu bermaksud jalan maka kalau baru diadakan itulah yang dinamakan bid'ah. Demikian juga difahami daripada hadis Nabi SAW *بَارِعًا وَسُنَّةً سَيِّئَةً* barang sesiapa yang mengadakan dalam urusan kami yakni urusan agama ini apa yang bukan daripada agama maka ia tertolak. *بَارِعًا وَسُنَّةً سَيِّئَةً* Inilah yang gagal difahami oleh golongan yang gagal faham bahawa ini adalah satu benda yang *pivotal*. Iaitu kenalah dipastikan perkara baharu itu minhu daripada agama atau amla saminhu bukan daripada agama. Kalau lasaminhu fahua raddhun kalau bukan ada asas dalam agama maka tertolak dan sekiranya minhu iaitu ada asas dalam agama fahua makbul ini namanya mafhum kefahaman secara yang sebaliknya. Jadi sebagai kesimpulan

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

dalam kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah bid'ah sekiranya dalam perkara akidah tidak ada yang hasanah kerana bid'ah adalah perkara baharu. Bid'ah dalam akidah bererti akidah lain daripada akidah Nabi SAW akidah yang berbeza daripada akidah Nabi SAW tidak mungkin akan hasanah. Tetapi kalau bid'ah itu berlaku dalam perkara, perbuatan dan amalan perlulah ditimbang dengan neraca syarak. Sekiranya selari mereka kata 'Oh, tak boleh bid'ah hanya perkara dunia' Habis, kenapa kamu sembahyang jarak-jarak? Kenapa kamu sembahyang menutup muka sedangkan sembahyang itu perkara ibadah. Perkara agama Nabi SAW melarang sembahyang dalam keadaan menutup muka. Nabi SAW menyuruh kita sembahyang dalam keadaan merapatkan saf. Kata mereka kerana ingin menjaga nyawa musim Covid-19. Kerana menjaga nyawa itu tuntutan agama. Ha, faham pun kamu bahawa kalau perkara baharu walaupun dalam urusan ibadah kalau selari dengan tuntutan agama maka ia bid'ah. Wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (43:27 - 44:34)

Baik, terima kasih diucapkan kepada Ustaz Engku. Panjang lebar ceritanya dimana kita perlu faham bid'ah ini mempunyai banyak maksud dan tetapi malangnya saya mewakili generasi mudah. Kami banyak di doktrin oleh golongan tertentu ini. Apabila sebut bid'ah sahaja benda itu salah. Mungkin untuk perkara ini Ustaz Safwan boleh menjelaskanlah dimana sering kali generasi kini yang kurang ilmunya di doktrin sebagai contoh buat majlis atau program seperti Maulidur Rasul bid'ah, baca yassin malam jumaat bid'ah, nak menziarahi kubur pun dikatakan bid'ah. Sedangkan disitu niat kita ialah untuk ingat mati, memuji Rasulullah dan ada yang paling tragis pernah dipersoalkan oleh warga maya pada zaman Nabi, adakah Nabi Muhammad itu memuji dirinya sendiri. Dan mengapa kita perlu memuji baginda. Apa pandangan Ustaz Safwan tentang situasi ini. Silakan.

Ustaz Safwan Zainal Asmin (ahli panel) = (44:34 - 52:28)

Alhamdulillah wa syukurillah. Jadi, sebenarnya fahaman-fahaman yang mengatakan bila sesuatu perkara yang kita nak buat itu mesti kita ikut Nabi SAW dan memang semuanya kita mengikut Nabi SAW. Cuma mereka di sana bila mereka faham Nabi SAW kesilapan itu mereka putuskan Nabi itu dengan para ulama. Ini bukan tradisi kefahaman kita. Bila kita sebut Nabi SAW itu maka kita sudah tidak meninggalkan dalam Nabi SAW itu ada segala para anbiya, aulia',

siddiqin, syuhada dan solihin. Kita tidak faham Nabi SAW itu sekadar Nabi sahaja. Sebab kalau tidak kerana para ulama, para solihin, para siddiqin dan para syuhada semua golongan-golongan itu kalaulah tidak kerana mereka, maka kita pun tidak akan kenal Nabi SAW. Jadi, sepertimana yang kita tahu dalam pegangan kita sudah ada manhaj. Bila kita kata pegangan kita adalah kitab iaitu Al-Quran Al-Kareem dan yang kedua ialah sunnah yakni apa yang dibuat oleh Nabi SAW. Al-Quran, kitab, sunnah dan juga kita ada ijma' ulama perkara yang telah diputuskan oleh jumbuh ulama dan juga qiyas yakni perkara yang diambil daripada perkara yang berlaku sekarang dikaitkan dengan perkara yang asal. Jadi semua itu apabila kita sebut sahaja Al-Quran, kita sebut sahaja sunnah maknanya di situ ada ijma' ulama dan juga qiyas. Jadi saya rasa tentang persoalan, adakah ini bid'ah, buat perbuatan baru ini bid'ah, itu tadi Ustaz Abdullah dan juga Ustaz Engku Fadzil sudah jawab dengan penuh daripada sudut ilmiah. Cumanya penekanan yang suka saya nak kongsi di sini ialah dalam kita menegakkan sesuatu amal itu adakah kita capai matlamat daripada amal itu. Katalah amal itu sama ada amal yang Nabi buat pada zahir ataupun Nabi tidak buat pada zahir tapi selagi mana amal itu tidak terlepas daripada Al-Quran, sunnah, ijma' ulama dan qiyas tapi persoalannya itu dalam kita menegakkan amal itu adakah kita capai semua matlamat amal itu. Kadang-kadang kita terpedaya dengan perbincangan-perbincangan zahir itu sedangkan kita tertinggal perkara yang lebih penting dalam kita beramal iaitu maqasid yakni tujuan kita beramal. Jadi suka saya nak kongsi bila sebut saja perkataan amal itu maka amal itu terbahagi kepada tiga. Ada amal jawarih, amal qalbi dan amal syir. Awal jawarih ini ialah kita menegakkan segala taat-taat yang zahir. Sama ada menggunakan 7 anggota nikmat yang Allah beri ini untuk digunakan untuk menegakkan segala taat-taat yang zahir. Adapun amal qalbi itu ialah dengan kita menegakkan segala sifat yang mahmudah dan membasmi segala sifat yang mazmumah. Amal jawarih menegakkan segala taat yang zahir, dan kita juga menghindari segala maksiat-maksiat yang zahir. Amal qalbi itu dengan kita menegakkan segala sifat-sifat mahmudah sifat-sifat yang dipuji oleh Allah SWT. Jadi kalau benar mereka itu mahu ikut sunnah, mari kita tengok berapa banyak sifat-sifat terpuji yang telah kita tegakkan. Jangan kita lupa, antara sunnah yang paling besar yang diamalkan oleh Nabi itu yakni dengan menegakkan segala sifat-sifat mahmudah dengan menghadirkan hati supaya sentiasa bersama dengan Allah SWT. Jadi, itu ialah amal bahagian qalbi. Kita perlu memastikan bahawa diri kita dibasmi segala sifat-sifat yang terkeji, sifat-sifat mazmumah dan kita menegakkan sifat-sifat yang mahmudah yang dipuji oleh Allah SWT, dipuji oleh para Rasul dan dipuji oleh Nabi SAW. Itu ain daripada sunnah itu

sendiri yakni tujuan kita ikut Nabi ialah untuk menegakkan itu. Amal yang ketiga ialah amal yang paling mendalam dalam diri insan itu ialah amal syir. Amal syir itu sama ada hal keadaan kita itu hadir ingat tumpu dengan Allah ataupun lupa lalai ghafla kita dengan Allah. Jadi disinilah tempat yang menentukan bagaimana amalan luaran kita tadi. Cetusnya amal yang diluar itu dengan amal syir itu sendiri. Jadi hadir ingat tumpu kita dengan Allah apabila dinaikkan keatas maka jadi amal qalbi. Amal qalbi itu kalau hadir ingat tumpu dengan Allah maka dia akan mencetuskan segala sifat-sifat mahmudah yakni sifat-sifat yang terpuji dan sifat-sifat yang terpuji itu kalau ditolak keluar lagi maka akan timbul taat-taat yang zahir. Adapun kalau dalam diri kita sendiri sudah ada kelalaian yakni banyak masa kita itu kita duduk, kita tidak duduk dengan Allah, malu kita dengan Allah. Kita bicara ini bid'ah, itu bid'ah tapi dalaman kita itu lebih besar lagi bid'ah yang kita tidak sedar. Yang mana Nabi tidak pernah lalai dengan Allah dan itu yang kita buat pagi petang siang dan malam. Itu lagi bahaya kalau kita tidak perhatikan sudut itu. Jadi kalau bahagian yang paling dalam diri insan itu dipenuhi dengan kelalaian yakni ghafla yakni lalai hatinya itu dengan Allah maka tentulah apabila naik keatas itu menjadi amal qalbi yakni hatinya sentiasa mahu mencetus sifat-sifat yang mazmumah, sifat-sifat yang keji. Antara sifat-sifat yang mazmumah itu ialah nak menyalahkan orang ini, nak menjatuhkan orang yang ini, nak membid'ahkan orang ini itu semua sifat-sifat yang tidak dididik, dibentuk, dicorak, dibendung hala tuju daripada Nabi SAW kepada kita. Kemudian kalau kita dalam keadaan lupa lalai ghafla itu maka dia akan membentuk sifat-sifat yang terkeji itu. Maka sifat-sifat terkeji itu akan di zahirkan di luar itu dengan maksiat-maksiat yang zahir. Mulalah mulut kita itu nak bercakap perkara-perkara yang tidak bermanfaat. Nak menjatuhkan orang ini dan sebagainya. Jadi pada pandangan saya, sudut yang nak berikan pandangan itu apa jua hal keadaan kita itu mesti kita tengok diri kita itu pada tiga sudut dan jangan kita terlalu tertumpu kepada amalan-amalan luar itu sehinggakan kita sudah lari daripada maksud amalan luar itu sehingga lalai di dalam diri kita. Jadi saya rasa ini satu perkongsian yang saya boleh kongsi sebab bila kita tengok apa yang Ustaz Abdullah sudah bahas tadi, Ustaz Engku Fadzil sudah bahas tadi, sudah cukup jelas terang dan nyata untuk menjadi penerangan kepada orang-orang yang membicarakan masalah bid'ah dan sebagainya pada luaran itu tapi yang kita mahu berikan penekanan pada masa yang sama ialah bila kata sunnah, ada baginya yang zahir, ada yang baginya batin. Antara sunnah yang terbesar ialah nak memelihara dalaman kita. Insya-Allah.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (52:30 - 53:25)

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

Masyaallah. Sunnah yang paling besar ialah untuk menjaga dalaman kita. Yang ini masih ramai dalam kalangan kita yang perlu berjuang untuk mencapai matlamat ke arah itu. Baik jadi untuk soalan seterusnya kita nak bertanya kepada Dr. Abdullah Jalil dimana realiti pada hari ini kita lihat di media sosial, tak kisahlah sama ada komen-komen di *Facebook*, *YouTube* ataupun artikel-artikel yang diterbitkan sama ada menggunakan saluran-saluran mereka dan sebagainya di mana kita melihat kadangkala suara minoriti yang menolak fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah ini lagi kuat, lagi banyak diikuti, dikongsi dan diluaskan berbanding perkara yang sebenar. Jadi kalau kita lihat perkara ini ia bukan satu perkara yang sihat kerana manhaj kita di Tanah Melayu ini adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Apakah komen Dr. Abdullah tentang situasi ini?

Ustaz Dr. Abdullah Jalil (ahli panel) = (53:27 - 1:03:50)

Terima kasih saudara Lokman. Bismillah walhamdulillah was salaatu was salaam 'ala rasulillah wa 'ala alihi wasohbihi waman walah. Baik, pertama sekali isu bid'ah ini adalah berdasarkan pengalaman saya satu isu yang sangat penting untuk difahami dari kaca mata ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana berdasarkan pengalaman kita, orang yang tidak memahami konsep bid'ah ini berdasarkan perspektif majoriti para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah mereka sering kali bersikap sempit pemikiran, bersifat ekstrem dan terlalu cepat menuduh orang lain berada dalam bid'ah kerana kesalahfahaman konsep bid'ah yang mereka ajar. Saya punya kajian Tuan, saya terlibat dalam deradikalisasi dengan golongan ekstremisme sejak daripada tahun 2008. Maka saya telah melihat proses radikalisasi, proses menjadikan seseorang itu radikal dari segi pemikirannya adalah bermula dengan proses tabdiat sekarang ini saya tambah 6 peringkat. Peringkat pertama tabdiat, taksir, istikhlal, walal walbarak, jihad walijihad. Jadi, peringkat pertama kita nak didik orang, bukan kita nak didik ya. Golongan ekstrem nak membuatkan seseorang lebih ekstrem ialah dengan menanam konsep bid'ah yang salah. Bila dia dah tanam konsep bid'ah yang salah dalam diri seseorang maka kita dapat lihat bahawa orang itu mudah menuduh orang lain sebagai sesat. Bahkan perkara yang dituduh bid'ah itu bukan perkara bid'ah pun sebenarnya. Tetapi perkara yang dituduh itu ialah perkara sunat-sunat tambahan, perkara-perkara khilafiah bahkan ada juga bukan ada, tetapi banyak juga perkara-perkara mu'tabar. Mu'tabar pun dituduh bid'ah juga. Sedangkan perkara-perkara ini patut kita berlapang dada dan patut kita hormat sesama kita. Selepas mereka sudah didik orang untuk membid'ahkan orang lain, barulah mereka senang untuk mendidik orang untuk mengkhafirkan orang lain. Kalau mereka terus didikkan orang untuk

mengkhafirkan orang lain mungkin orang akan kata 'eh, ekstrem ni' dan mereka akan lari. Tetapi dengan menanam racun tabdiat racun suka atau mudah membid'ah orang ini barulah nanti senang untuk menanam racun takfir. Lepastu barulah senang nak menanamkan racun menghalalkan darah dan harta orang lain. Kemudian senanglah nak menanam racun walal walbarak supaya orang taksud dengan jemaah. Orang lain semua salah. Kita saja yang betul. Orang lain semua tak nak ikut Al-Quran dan sunnah. Kita saja yang ikut Al-Quran dan sunnah. Poyolah kita panggil, golongan poyo. Kemudian barulah menghalalkan mereka untuk mendapatkan pahala syahid dan membunuh orang lain. Jadi anak tangga pertama pada ekstremisme sebenarnya adalah pada mudah membid'ahkan orang. Saya ambil pengalaman saya berkongsi konsep bid'ah ini dengan tahanan-tahanan di Kamunting. 4 orang wanita dan saya terangkan konsep bid'ah di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah kemudia salah seorang daripada mereka tanya 'Ustaz apa yang ustaz terangkan bid'ah ini lain betullah dengan apa yang saya belajar dulu'. Haa, sebab apa? Sebab dia belajar dulu bid'ah itu ialah qunut, talkin, baca sayyidina, tahlil itu bagi dia bid'ah. Kita ajar itu perkara-perkara sunat bahkan ada sebahagiannya khilafiah. Kita terangkanlah adab-adab itu macam mana yang bid'ah ini, yang hakikat bid'ah ini akidah yang berbeza dengan akidah Rasulullah, para sahabat dan majoriti ulama Islam seperti akidah, tajsimnya, takfirnya, syiahnya dan sebagainya inilah yang kita kata bid'ah. Orang yang membawa akidah yang berbeza daripada akidah Rasulullah SAW dan para sahabat dan majoriti mujtahid dan ulama dan majoriti umat Islam. Jadi dia kata 'lain betullah yang saya belajar dulu ahli bid'ah ni mereka yang buat qunut'. Jadi dia faham yang macam tu saja, benda-benda khilafiah yang macam itu. Benda-benda sunat yang macam itu. Jadi sebab itu kita untuk mengekang ekstremisme, sikap suka menyalahkan orang lain, sikap suka menuduh orang lain dengan kesesatan ini kena banteras dengan memberi ilmu yang betul. Kita kena bezakan proses mengajar dengan proses deradikalisasi. Kalau kita mengajar orang itu daripada neutral ataupun daripada kosong, jiwa dan pemikiran dia kosong tentang perbahasan bid'ah so kita bagi ilmu yang betul. Tapi kalau dia dah ditanam dengan radikalisme ataupun dengan fahaman yang radikal tentang bid'ah kita kena hancurkan dulu fahaman itu dalam diri dia kemudian barulah kita kena beri pemahaman yang betul dalam diri dia. Jadi kita kena bezakan antara dua orang. Satu, orang yang tidak ada ilmu. Satu lagi orang yang mempunyai ilmu yang salah. Orang yang tiada ilmu ini macam gelas yang kosong kita nak isi air yang bersih, mudah sahaja. Tapi orang yang faham dengan kefahaman yang salah (mengambil ilmu daripada wahabi

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

terutamanya), jadi dia dah ada dalam diri dia itu satu kefahaman yang salah seolah-olah gelas itu bukan gelas kosong, gelas yang ada air najis, air longkang. Ayaq acaq (lumpur, becak) la kita kata. Dah ada ayaq acaq dalam tu.. Jadi kita nak kena buang air longkang itu dulu. Fahaman yang salah tentang konsep bid'ah itu dulu kemudian baru kita kena gantikan dengan air yang bersih. Ha, itulah proses deradikalisasi. Berbeza dengan proses pengajaran biasa. Jadi sebab itulah bagi saya kalau kita faham tentang betapa bahayanya konsep bid'ah ini kalau tidak difahami dengan cara yang betul maka kita kena sebarkan naratif dan kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah berkenaan apa itu bid'ah. Jadi bila faham dengan cara Ahli Sunnah Wal Jamaah dadanya lapang, orang nak zikir seribu kali, silakan. Orang nak selawat sepuluh ribu kali, silakan. Orang nak baca yassin, silakan. Ada orang nak baca waqiah silakan. Ada orang sampai nak baca sampai satu juzuk silakan. Ada orang nak malam-malam buat 20 rakaat, silakan. Ada orang nak buat 8 rakaat silakan. Jadi dada lapang. Sebab apa? Sebab dapat ilmu yang betul. Jadi kenapakah naratif mereka ini tersebar sedangkan mereka ini golongan minoriti. Saya nampak kerana mereka menggunakan media sosial dengan begitu aktif. Sejak zaman dulu lagi mereka buat *group*, *group* e-mel selepas itu sekarang ini sudah wujud pelbagai jenis *group*. Mereka gunakan media sosial secara maksimum berbanding dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang nampaknya berada di dalam *comfort zone*. Orang kata *comfort zone is a nice place to be but nothing grows there*. *Comfort zone* atau zon selesa ini memang seronok untuk duduk tetapi tiada perkembangan sebab *relax* sahaja. Tapi mereka ini tahu mereka di Malaysia ini memang daripada dulu lagi sudah banyak ulama-ulama yang menolak. Bila ulama menolak maksudnya tidak mahulah. Jadi mereka menggunakan media sosial dengan begitu luas dan maksimum akhirnya generasi muda kita banyak merujuk kepada media sosial maka terpengaruhlah dan menjadi ekstreme. Di antara pemikiran yang luculah, kita kata lucu atau pemikiran yang *stupid*. Ada sesetengah orang mereka sensitif bila menggunakan perkataan *stupid* ini. Tapi kadang-kadang ulama kata kurang ajar ini sedekah. Ada kalanya kita kena letak perkataan yang sesuai dengan kurang ajar dia tu. Di antara pemikiran yang *stupid* ataupun pemikiran yang lucu dan kelakar adalah seseorang yang menyangka dia nak ikut Al-Quran dan sunnah lebih daripada para ulama. Seolah-olah dia menyangka diri dia nak ikut Al-Quran dan sunnah lebih daripada ulama mazhab Syafie ke, ulama mazhab Hanafi ke dan dia kata tak sunnah membaca ini, tak sunnah membaca sayyidina, tak sunnah kita baca usholli dan sebagainya seolah-olah dia rasa dia lagi nak ikutkan sunnah daripada ulama mazhab Syafie jadi orang awam yang mempunyai pemikiran begini sebenarnya

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

lucu. Lucu kerana bagaimana kamu boleh terfikir yang kamu nak ikutkan Al-Quran dan sunnah lebih daripada ulama yang warak, yang zuhud, yang luar biasa, yang aulia dan sebagainya. Jadi bila kita tengok ada mazhab-mazhab muktabar atau fatwa-fatwa ulama kita kena bersangka baik pasti di sana ada dalil. Ini kerana para ulama, mereka mesti meletakkan dan mengeluarkan hukum berdasarkan dalil. Mereka tidak mengeluarkan hukum berdasarkan hawa nafsu. Cuma mungkin kerana kelemahan kita, kerana kelemahan kita yang tidak faham dalil tersebut. Jadi jangan kita terfikir yang ada ulama yang tidak mengikut sunnah dan kita lagi nak ikutkan sunnah berbanding dengan ulama. Itu merupakan pemikiran yang sangat lucu. Jadi tidak boleh dengan mudahnya kata “saya nak ikut sunnah, saya tak nak ikut mazhab Syafie”. *Lailahailallah*, sejak bila mazhab Syafie tak nak ikut sunnah. Jadi sebenarnya jelas yang Ahli Sunnah Wal Jamaah juga perlu menggunakan media massa ini untuk membalas, untuk *counter narrative* kerana media sosial ini banyak digunakan oleh generasi muda dan medium yang sangat berkesan. Jadi sebab itulah golongan minoriti ini tersebar walaupun pada hakikatnya dia bukan disebar oleh ahli ilmu tapi dia tersebar kerana media sosial. Jadi, moga-moga kita dapat apa yang kita panggil, menangani isu ini dengan segera Insya-Allah.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:03:51 -1:05:01)

Terima kasih kita ucapkan kepada Dr. Abdullah. Bagi saya, itu antara keperluan di mana generasi muda hari ini kalau kita lihat semakin tersedar untuk mencari ilmu. Tetapi apabila mencari itu mereka berjumpa dengan orang yang salah kerana orang yang betul tiada di situ. Ha, ini merupakan satu masalah yang sangat serius. Seterusnya kita akan tanyakan kepada Ustaz Engku. Sambil-sambil itu ada komen daripada pengguna dan juga penonton kita. Katanya boleh tak Ustaz ulas perkataan salafi yang mengarahkan “memang boleh membaca yassin pada malam jumaat tetapi nak menerapkan bacaan malam jumaat itu perlukan dalil” dan katanya nak menetapkan amal ibadah pun perlukan dalil kata mereka. Dan terus sambung dengan pandangan apa kesan kepada sesuatu komuniti ini jika budaya membid’ah tanpa memahami maksud yang sebenar ini terus berlaku seperti mana kata Dr. Abdullah tadi. Ada orang faham lain tetapi yang sebenarnya lain dan kesannya kepada keharmonian masyarakat itu bagaimana? Silakan Ustaz.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (1:05:05 - 1:19:42)

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

Bismillah alhamdulillah wassalatu wassalamu ala rasulillah. Merujuk kepada soalan, boleh tak ulas perkataan salafi yang mengatakan memang kalau baca yassin malam jumaat boleh tetapi nak menerapkan bacaan malam jumaat itu, itu yang perlukan dalil. Jawapannya yang pertama, mereka bukan salafi. Yang mengatakan demikian bukan salafi kerana salafi by *definition* adalah pengikut salaf. Pengikut salaf ialah pengikut mazhab yang 4 kerana keempat-empat imam mazhab adalah salaf. Adapun wahabi mereka bukan salafi yang sebenar mereka adalah shidur salafi_mereka adalah salafi palsu. Mereka sebenarnya adalah khalafi pengikut kepada khalaf ataupun tarmiyi pentaasub Ibnu Tarmiyah ataupun wahabi iaitu pengikut kepada Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab. Secara teknikal mereka bukan salafi walaupun secara praktikal mereka mengaku salafi. Yang kedua dakwaan mereka bahawa bacaan yassin malam jumaat tiada masalah. Alhamdulillah. Sudah ada *improvement* di situ. Cuma kata dia nak menerapkan atau menetapkan baca yassin atau yang saya selalu dengar mereka kata. Nak mengkhususkan bacaan yassin pada malam jumaat itu perlukan dalil. Mereka bercakap betul tetapi mereka tidak faham apa yang mereka cakap. Yang dimaksudkan mengkhususkan tidak sama dengan membiasakan diri. Yang dimaksudkan dengan mengkhususkan misalnya orang itu mendakwa kononnya kalau hendak baca yassin mesti baca hanya pada malam jumaat. Itu namanya takhsis. Mengkhususkan bacaan yassin hanya pada malam jumaat. Atau dia mengatakan kalau dia nak baca Al-Quran pada malam jumaat hanya boleh baca surah yassin dan jangan baca surah lain. Tak boleh. Itu namanya takhsis, mengkhususkan yang demikian itu memang betul perlu kepada dalil. Kalau tidak ada dalil tidak boleh memandai-mandai katakan nak membaca Al-Quran pada malam jumaat hanya baca yassin atau nak baca yassin hanya boleh pada malam jumaat itu tidak betul kerana tiada dalil. Tapi alhamdulillah yang berlaku dalam masyarakat kita bukan takhsis tetapi mereka adalah membiasakan diri. Ini namanya istiqomah dalam melakukan kebaikan. Dalam dalil hadis Nabi SAW bersabda ... sekasih-kasih amalan kepada Allah adalah yang paling berkekalan walaupun sedikit. Jadi baca yassin satu kali seminggu iaitu pada malam jumaat itu sedikit. Sepatutnya kamu kalau betul-betul hendak baca, bacalah pada setiap malam. Kerana sepatutnya kalau nak lebih bersungguh-sungguh jangan yassin sahaja bacalah surah-surah yang lain bersama. Tetapi dimanakah harapan orang yang setiap malam jumaat baca yassin? Harapannya adalah walaupun sedikit, oleh kerana dia kekalkan maka itu dikasihi oleh Allah SWT. Adapun mengkhususkan alhamdulillah tidak berlaku dalam masyarakat kita tapi kalau memang ada yang cuba mengkhususkan maka benar mengkhususkan itu perlu kepada dalil.

Kemudian bagaimana kesan kekeliruan dalam masalah bid'ah ini? Tadi sudah di-*hint*-kan oleh al-fadhil ustaz Dr. Abdullah Jalil iaitu masyarakat boleh menjadi ekstrem. Masyarakat boleh memandang kepada saudara-saudara seagama yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW supaya kita mengasihi mereka sebagaimana kita mengasihi diri kita sendiri mereka memandang serong dengan penuh kebencian dan menganggap saudara-saudara mereka ini adalah golongan yang sesat kerana melakukan perkara bid'ah. Maka saya tegaskan disini bahawa sesiapa yang menolak bid'ah hasanah dia adalah ahlul bid'ah. Kenapa? Kerana bid'ah hasanah itu adalah sunnah. Sesiapa yang menolak bid'ah hasanah bererti dia menolak dan melawan sunnah Nabi SAW maka slogan yang dia berpegang kepada sunnah itu hanyalah slogan yang palsu. Kenapa bid'ah kerana pertama dia menambah-nambah, mengharamkan apa yang tidak diharamkan dalam Al-Quran. Dalam Al-Quran jelas Allah Taala berfirman apa yang dibawa kepada kamu oleh Rasul hendaklah kamu ambil, hendaklah kamu terima dan apa yang baginda larang hendaklah kamu berhenti. Jelas Al-Quran menggunakan apa yang baginda larang. Al-Quran tidak sebut apa yang baginda tidak buat. Maka sesiapa yang mengatakan "tak, ini tak boleh buat sebab Nabi tak buat" bererti dia telah memandai-mandai menambah apa yang Al-Quran tidak kata. Demikian dalam hadis Nabi SAW, Nabi bersabda apabila aku melarang kamu daripada satu perbuatan maka hendaklah kamu jauhi perbuatan yang dilarang itu. Jadi sama seperti Al-Quran. Nabi SAW tidak bersabda apabila aku tidak buat sesuatu perkara maka hendaklah kamu jauhi. Tidak. Jadi, orang yang mendakwa tak boleh buat satu perbuatan yang semata-mata kerana Nabi SAW tidak melakukannya sama ada orang itu dia tak perasan Nabi SAW melakukannya bahawa perkara itu tidak bid'ah atau dia tahu bahawa Nabi SAW tidak melakukannya tapi dia gagal faham bahawa sesuatu perbuatan tidak menjadi haram semata-mata kerana Nabi SAW tidak melakukannya. Ada perbuatan yang tidak bid'ah. Misalnya ada golongan di zaman kita ini, ini kesan kepada masyarakat. Masyarakat disibukkan dengan perkara-perkara yang tidak menjadi isu, perkara-perkara yang remeh-temeh, perkara-perkara yang telah selesai seribu tahun yang lalu. Mereka sibukkan dengan qunut, dengan tahlil, dengan selawat, selang terawih dan sebagainya. Lalu masyarakat lalai daripada perkara-perkara yang besar, perkara-perkara yang mengancam kedaulatan agama itu dipinggirkan dengan melayan perkara yang kecil dan sebagainya bukan bid'ah. Misalnya mereka membid'ahkan amalan zikir nyaring selepas solat. Sedangkan zikir nyaring selepas solat sabit dalam hadis yang sahih dan soreh bahawa ianya berlaku pada zaman Nabi SAW. Abbas radiallahuma mengatakan bahawa kami tahu orang telah selesai solat dan

kami dengar mereka itu berzikir, menyaringkan suara ketika berzikir berlaku di zaman Nabi SAW. Jelas. Tetapi mereka masih membida'ahkan dan ulama ikutan mereka sendiri yang ada ilmu seperti Syeikh Ibin Bas mengatakan sesiapa yang mengatakan berzikir nyaring itu tidak sunnah bererti orang itu tidak faham sunnah. Kerana hadisnya sahih dan hadisnya soreh. Jadi golongan ini mengatakan menolak bid'ah padahal mereka menolak sunnah Nabi SAW itu satu ya. Dan mereka gagal faham beza antara ibadah muqayyadah dan ibadah ghairu muqayyadah. Ada di sana ibadah yang diikat dengan waktu, dengan tempat, dengan bilangan, dengan khaifiat, dengan cara iaitu perlu dilakukan mengikut yang telah diikat maka ada contoh-contoh gagal faham daripada golongan ini kata mereka "Ustaz, kalau memang asal baik boleh buat, jomlah kita solat subuh 4 rakaat. Kalau memang asal baik boleh buat, jomlah kita sembahyang zohor 5 rakaat. Kalau memang asal baik boleh buat apa kata kita buat satu solat khas pada hari sabtu dengan dua khutbah dengan itu dan ini". Ini adalah percakapan orang yang gagal faham kerana bila kita katakan sesuatu perbuatan itu asalkan baik boleh dilakukan bererti asalkan baik dari neraka syarak bukan asalkan baik ikut kepala otak hangpa. Itu bahasa kasar macam Dr. Abdullah katakan tadi. Bila kita sebut 'kepala otak' itu dia terkejut sikit baru dia nak beringat, baru dia nak berfikir bahawa dia kena faham solat subuh 4 rakaat tidak baik kerana itu ibadah yang telah diikat dengan bilangan. Demikian solat zohor 5 rakaat juga tidak baik kerana itu ibadah yang telah diikat dengan bilangan. Mengadakan solat khusus pada hari sabtu dengan kaifiat yang tertentu juga tidak baik kerana itu adalah mengadakan ibadah yang tidak disokong oleh dalil. Adapun berselawat selang terawih misalnya itu terpayung dalam dalil umum **إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ** **عَلَيْكَ يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا** bila Allah Taala memerintahkan kita untuk berselawat, adakah Allah tetapkan waktunya? Tidak. Allah tetapkan bilangannya? Tidak. Adakah Allah tetapkan tempatnya? Tidak. Maka orang yang mengatakan bahawa tak boleh berselawat selang-selang terawih, orang itu yang kena membawa dalil kerana dia telah cuba menyempitkan apa yang asalnya luas. Inilah apa yang berlaku pada agama kita. Agama kita asalnya luas ibarat *highway* yang ada 4 lorong. Pertama namanya lorong Al-Quran. Lalu lorong Al-Quran dapat tahu hukum. Yang kedua lorong sunnah. Yang ketiga lorong ijmak yang keempat lorong qiyas dan ada lagi lorong-lorong sampingan yang lain. Kita fokus kepada 4 ini sahaja. Bila datang golongan yang berfikiran sempit dan menyempitkan fikiran masyarakat, Akhirnya masyarakat berbalah perkara-perkara yang tidak menjadi isu bahkan perkara-perkara yang baik misalnya ada ahli masyarakat yang melazimkan diri mereka berzikir dengan menyebut 'Allah, Allah, Allah',

Maka kata golongan yang dah salah faham ini bahawa zikir 'Allah, Allah, Allah' ini tidak ada maknanya. Kerana apa? Kerana Nabi SAW tidak melakukannya. Kerana tiada dalil. Sedangkan dia terlepas pandang bahawa Al-Quran adalah dalil. Dalam Al-Quran jelas Allah berfirman wazkurullah ha zikran qasirah hendaklah kamu menyebut Allah dengan sebutan yang banyak. Maka sesiapa yang menyebut Allah, Allah, Allah telah terpayung dengan dalil Al-Quran. Juga telah ijmak pada ulama tidak kurang daripada 700 tahun. Tidak ada satu orang ulama pun yang *complain* zikir dengan menyebut Allah kecuali setelah Al Imam ibni Tarmiyah datang *complain* dan ibni Tarmiyah walaupun beliau alim, tetapi beliau tidak sampai kuat untuk mengoyakkan ijma' ulama. Ijma' ulama adalah hujah dalam agama yang tidak boleh dilanggar. Demikian juga qiyas. Qiyas itu memastikan hukum yang sama bagi perkara yang sama. Maka, ibadah zikir sama seperti ibadah-ibadah yang tidak diikat yang lain. Seperti selawat. Seperti bacaan Al-Quran. Seperti berdoa. Memang kita disuruh bahkan doa kata Nabi SAW dia adalah ibadah dan adakah bid'ah yang sesat apabila kita berdoa dalam bahasa Melayu? Kerana Nabi SAW tidak pernah berdoa dalam bahasa Melayu dan doa itu adalah ibadah. Adakah sesat kita berdoa minta anak berjaya dalam peperiksaan? Nabi SAW tidak pernah berdoa minta anak berjaya dalam peperiksaan. Sedangkan itu adalah ibadah. Tidak. Kerana ini adalah ibadah yang tidak diikat maka *guideline* dia berbeza dengan ibadah yang diikat. Ibadah yang diikat mesti dilakukan *exactly* sebagaimana telah diikat, bilangannya, tempatnya dan waktunya. Tetapi ibadah yang tidak diikat boleh dilakukan pada bila-bila masa, bilangan dan apa-apa keadaan selagi mana tidak melanggar syariat. Misalnya berzikir bercampur gaul lelaki dan perempuan bukan mahram dalam gelap. Itu jelas tidak boleh. Bukan kerana zikirnya tidak boleh, tapi cara dilakukan itu melanggar syarak. Ini yang mereka gagal faham dan mereka juga gagal faham bahawa slogan mereka menolak bid'ah hasanah dengan alasan mengikut Nabi SAW sebenarnya adalah dusta bahkan merekalah yang meninggalkan sunnah Nabi SAW kerana sunnah Nabi adalah mengiktiraf bid'ah hasanah walaupun dalam urusan ibadah. Ketika ada sahabat Nabi yang menjadi imam di masjid Quba membaca *qul huwallahu ahad* pada setiap rakaat sembahyang itu tidak dilakukan oleh Nabi SAW itu juga tidak disuruh oleh Nabi SAW maka itu by *definition* adalah bid'ah. Tetapi tidakkah Nabi SAW mengiktiraf? Tetapi ketika berlaku belum diiktiraf lagi. Lalu di-*complain* oleh jemaah. Jemaah kata pilih salah satu. Nak baca *qul huwalla* atau surah. Jangan baca dua-dua. Imam tidak mahu. Lalu diajukan kepada Nabi SAW kalau benarlah teori yang mengatakan bahawa perkara baharu dalam urusan ibadah automatik haram nescaya Nabi SAW akan melarang

imam itu daripada melakukan perkara yang haram tersebut. Sebaliknya tidak. Nabi SAW lebih faham kalau perkara baharu itu tak semuanya haram. Pertama, mengulang-ulang membaca satu surah itu tidak dilarang dan yang kedua Nabi sebenarnya nak tahu adakah dorongannya juga selari dengan syariat ataupun tidak. Lalu Nabi bertanya kepada imam ‘apa sebab kamu tidak mahu mengikut cadangan dari jemaah?’ maka jawab imam itu ‘Sesungguhnya aku kasih kepada suratul ikhlas wahai Rasulullah’. Lalu Nabi SAW tahu dorongannya juga patuh syariah lalu Nabi SAW tidak melarang bahkan memuji kasih kamu kepada surah ikhlas itulah yang memasukkan kamu ke dalam syurga. Maka mengiktiraf bid’ah yang hasanah walau dalam urusan ibadah itu adalah sunnah Nabi. Kata mereka Nabi sudah mengiktiraf. Maknanya okay. Ya, Nabi iktiraf perkara baharu dalam ibadah yang tidak bercanggah dengan syarak maka demikianlah para ulama juga ikut Nabi mengiktiraf perkara baharu walau dalam ibadah selagi mana tidak bercanggah dengan syarak. Demikian sunnah Khulafa Ar-Rasyidin mereka kata nak ikut sunnah Nabi dan sunnah Khulafa Ar-Rasyidin. Khulafa Ar-Rasyidin melakukan bid’ah juga asalkan selari dengan syarak. Misalnya mengumpulkan Al-Quran oleh Saidina Abu Bakar r.a. Asalnya Saidina Abu Bakar juga tidak ingin mengumpulkan Al-Quran oleh kerana alasannya Nabi SAW tidak pernah melakukan perkara itu. Bererti mengumpulkan Al-Quran dalam satu mushaf di sini Saidina Abu Bakar adalah satu bid’ah. Maka beliau keberatan untuk melakukannya. Kemudian dipujuk oleh Saidina Umar akhirnya lapang dada Saidina Abu Bakar untuk mengumpulkan Al-Quran dalam satu mushaf maka kedua-dua sahabat Nabi yang besar, Nabi perintahkan ikut dua orang selepas aku, Abu Bakar dan Umar melakukan bid’ah dalam urusan agama. Kalau dikatakan ‘tak, kumpulkan Al-Quran itu hanyalah urusan dunia’ tidak mungkin Saidina Abu Bakar tidak tahu urusan dunia boleh buat dan tak mungkin Saidina Umar ketika meyakinkan Saidina Abu Bakar tidak mengatakan ini hanya urusan dunia tetapi mengatakan perbuatan ini demi Allah merupakan perbuatan yang baik. Kata mereka, dakwa mereka, kononnya bid’ah hanya boleh dalam urusan dunia. Kenapakah Saidina Uthman bin Affan r.a. melakukan bid’ah dalam urusan azan jumaat yang dahulunya pada zaman Nabi SAW dan zaman dua khalifah hanya satu kali tetapi di zaman saidina Uthman dilakukan dua kali. Maka azan tambahan itu jelas bid’ah dalam ibadah. Pertama dilakukan oleh sahabat Nabi itu hanya ijtihad Saidina Uthman. Ijtihad Saidina Uthman jauh lebih bernilai daripada ijtihad golongan-golongan yang kamu ikuti sekarang ini. Yang kedua ijtihad Saidina Uthman itu tidak disanggah oleh seorang pun sahabat Nabi pada masa itu bererti melakukan bid’ah hasanah dalam ibadah adalah ijma’ para sahabat.

Golongan yang menolak bid'ah hasanah dalam ibadah adalah golongan yang melanggar ijma' sahabat nabi itu adalah ahlul bid'ah yang sebenar yang menimbulkan kekacauan, perpecahan dan perbalahan dalam kalangan umat Islam. Wallahu subhanahu wa ta'ala a'la.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:19:42 - 1:22:26)

Baik, terima kasih diucapkan kepada Ustaz Engku. Begitu panjang lebar dan padat ialah istilah yang sesuai dengannya. Tapi sebelum kita masuk ke bahagian kesimpulan, ingin saya bacakan antara komen-komen yang ditinggalkan oleh penonton Perbincangan Rakyat Demi Melayu. Seperti yang pertama daripada Abu Nu'man, Assalamualaikum Ustaz, apakah hukum melakukan bidaah hasanah? Okay nanti mungkin boleh dikongsikan pada bahagian kesimpulan. Daripada Nor Azamri, Bagaimana dengan pembahagian ibadah kepada khusus dan umum? Mohd Radhi katanya, analogi yang mudah difahami oleh para ahli panel, kecuali orang yang otaknya telah dimasuki racun ta'sub dan jumud daripada salafi jadian aka wahabi. Zakaria katanya, kelompok tak akan ustaz-ustaz Ahli Sunnah Wal Jamaah, mereka sombong dan jauh dari hidayah bukan hendak mencari hidayah atau kebenaran. Kata daripada Mohd Halim Idrus, Kena selalu diadakan program tetap seperti ini dan menjemput lebih ramai para ustaz. Wahabi gunakan sepenuhnya media sosial dalam mengelirukan masyarakat. Dan daripada Pok Wahab, Bagaimana nak memastikan isu-isu agama ini ditonjolkan mufti-mufti Ahli Sunnah Wal Jamaah kehadiran sebagai 'penenang' untuk kekeliruan umat Islam di Malaysia. Dan Mohammad Firdaus katanya, kalau betul-betul wahabi nak belajar atau terima, banyak ulama dan ustaz Ahli Sunnah Wal Jamaah dah terangkan. *Google* sahaja. Ceritanya wahabi ini memang kerja dia mencari masalah, mencari salah. Buat pening masyarakat. Jatuhkan ulama dan ustaz Ahli Sunnah Wal Jamaah, selepas itu menjadi *champion* isu. Maknanya tujuannya hanya semata-mata hendak menguasai bukan hendak mencari kebenaran mahupun nak belajar. Yang terakhir saya akan bacakan komen daripada Mohd Nor Arifin. Selalunya golongan wahabi terutamanya yang muda-muda ini suka berlebih-lebihan dalam memudahkan urusan agama walaupun agama memang sudah di mudahkan oleh Nabi dulu semasa kejadian Isra and Mi'raj. Pendek kata, diaorang malas buat ibadah lebih sikit dan tidak senang nampak orang lain beribadah lebih sikit. Kalau dia marah tak apa lagi tapi dia akan cuba tarik orang lain turut sama-sama kurangkan ibadah macam dia. Kalau orang tak ikut dia dituduh syirik haram pula. Sebab itulah diaorang sesat dan menyesatkan. Baik untuk kesimpulan ini, kita akan minta para panel bermula dengan Ustaz Safwan seminit, dua

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

minit untuk menyimpulkan tajuk kita pada malam ini apa itu ibadah dan mengapa bid'ah silakan Ustaz Safwan.

Ustaz Safwan Zainal Asmin (ahli panel) = (1:22:27 - 1: 30: 13)

Bismillahirrahmanirrahim. Jadi alahamdulillah wa yukurillah apa yang kita dapat simpulkan daripada perbincangan kita berkenaan dengan ibadah dan juga bid'ah. Jadi saya menasihati diri saya sendiri serta semua hadirin yang bersama di dalam program ini. Apa pun yang kita buat itu jangan kita tinggal 3 perkara. Yakni perkara yang pertama itu ialah tentang perkara yang berkait dengan bahagian kepercayaan dan pegangan kita dan perkara yang kedua itu perkara yang menjadi bahagian pusat tumpuan kita dan perkara yang ketiga ialah perkara yang menjadikan perkataan dan perbuatan kita. Jadi bahagian pegangan kepercayaan kita, pusat tumpuan kita, perkataan perbuatan kita bila kita sebut tentang ibadah, ibadah itu sangat luas bila dikaitkan dengan ilmu, ilmu pun sangat luas tinggal lagi bila kita ibadah ataupun ilmu itu apakah tujuan daripada beribadah ataupun amal semua itu sendiri ialah untuk mengukuhkan bahagian pegangan kepercayaan, bahagian pemusatan tumpuan dan bahagian perkataan perbuatan. Walaupun dalam bahasa sekarang kita panggil, kukuhkan bahagian fikir kita, kukuhkan bahagian rasa kita, mengukuhkan bahagian perbuatan kita. Sebab hakikat manusia itu tidak terlepas daripada fikir, rasa dan perbuatan. Apa sahaja yang kita sedang lakukan dan dimana sahaja kita berada kita tidak akan terlepas daripada fikir, rasa dan buat. Jadi fikiran inilah yang dikaitkan dengan bahagian kepercayaan pegangan dan kepercayaan ataupun bahagian iman ataupun bahagian tauhid yang mana kita memegang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pegangan kepercayaan yang telah disusun daripada ulama-ulama yang diambil daripada sunnah, hadis dan Al-Quran yang telah menghimpunkan satu pati ramuan yang kita tinggal hanya mengukuhkan bahagian itu. Inilah bahagian pegangan kepercayaan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Adapun bahagian kedua bahagian pusat tumpuan itu. Jadi bila kita sebut Ahli Sunnah Wal Jamaah itu sudah maklum. Kita menjadi tradisi kita daripada beratus tahun lagi. Bila sebut Ahli Sunnah Wal Jamaah tentulah Al Asyairah Wal Maturidiyah. Adapun bahagian pusat tumpuan kita ialah untuk kita mengukuhkan bahagian luahan kasih kita itu tumpuan kita. Sebab itu kita katakan tadi, manusia itu apa yang difikir, apa yang dia rasa. Dia rasa ini apakah satu ilmu, satu amal yang boleh menguruskan bahagian rasa kita itu maka itulah ilmu tasawwuf ataupun ilmu ihsan. Jadi apabila kita sebut tasawwuf dan ihsan ini maka tidak terlepas daripada pusat tumpuan tasawwuf ihsan

kita iaitu diambil ilmu-ilmu kita daripada Imam Al Ghazali, Sheikh Junaid Al Baghdadi semua imam-imam yang masyhur yang mana mereka itu telah jadi apa yang mereka katakan itu. Adapun bahagian yang ketiga ialah bahagian perkataan dan perbuatan. Perkataan dan perbuatan inilah yang dikatakan fiqah ataupun Islam yang nak menegakkan bahagian lahiriah ini. Sama ada perkara itu perkara yang ditegah, dilarang, disuruh, sunat, makruh, harus dan semua hukum-hukum taklifi itu maka hendaklah kita didik, bentuk, corak, bendung hala tuju bahagian perkataan perbuatan luahan kita yang luar ini berdasarkan pegangan ulama-ulama yang kita kasihi seperti mana mazhab-mazhab yang empat itu, mazhab Syafie, Hambali, Maliki dan juga Hanafi. Jadi ini hakikat diri manusia itu fikir rasa dan buat. Jadi kedatangan Nabi SAW dan juga segala anbiya', aulia' siddiqin, syuhadah dan solihin nak didik, bentuk, corak, bendung hala tuju manusia itu supaya manusia dapat menguruskan bahagian pemikiran yakni bahagian kepercayaan, pegangan, bahagian iman, tauhid beriktikad Ahlul Sunnah Wal Jamaah dan kedatangan Nabi SAW dan segala anbiya', aulia' siddiqin, syuhadah dan solihin nak menguruskan bahagian pusatan tumpuan kita yakni bahagian ihsan, bahagian tasawwuf dan ilmu yang boleh menguruskan pusatan tumpuan itu ialah ilmu tasawwuf, ilmu ihsan yang kita ambil daripada segala ulama-ulama yang muktabar sepertimana yang kita sebutkan tadi. Dan juga bahagian ketiga yang perlu kita perhati dan perkukuhkan ialah bahagian luahan perkataan dan perbuatan ataupun bahagian Islam ataupun bahagian feqah yang mana ilmu yang kita uruskan luahan kita iaitu luahan pada luaran kita tentulah diambil daripada ilmu kita sebagai mazhab Syafie dan kita tidak tinggal segala imam-imam yang 4 itu sama ada imam Syafie, imam Hambali, imam Hanafi dan imam Maliki. Jadi inilah yang sudah menjadi tradisi kita daripada zaman Nabi SAW sehingga kini. Walaupun mungkin istilah-istilah itu mungkin tidak ada pada zaman awal-awal dahulu tetapi maknanya itu sudah ada. Jadi saya menasihati diri saya sendiri dan semua yang hadir dalam perbincangan kita pada malam ini maka tiga sudut itu bahagian fikiran, pegangan kepercayaan, iman, tauhid, bahagian pusatan tumpuan kita, ihsan tasawwuf dan juga bahagian perkataan perbuatan kita, feqah dan Islam itu perlu dikukuhkan. Kalau kita kukuh 3 itu, maka akan terhasil 3 ciri-ciri umat. Pertama, diri yang mengukuhkan tiga bahagian itu diri akan sentiasa melihat kepada yang memberi diri dan diri yang kedua apabila kukuh tiga bahagian itu, diri yang sentiasa mengeluarkan takrif-takrif dan memberi makna-makna yang penuh keseimbangan, kestabilan, keadilan dan petengahan dan dia tidak hanya ambil kira untuk dirinya sahaja tapi dirinya, keluarga, masyarakat dan juga alam sejagat. Semuanya penuh dengan

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

keseimbangan tiada jatuh menjatuhkan. Diri yang ketiga yang benar-benar menjaga tiga sudut itu maka akan lahirlah diri apabila melihat makhluk dan disebabkan khalid mengatasi segala makhluk itu yakni Allah SWT dan apabila melihat dunia maka akan timbullah asyik untuk dia balik ke kampung akhirat. Kedatangan Nabi SAW nak mendidik manusia itu supaya sampai pada matlamat itu. Mudah-mudahan dengan penerangan kesimpulan itu memberi sedikit tambahan kepada semua yang hadir dan terima kasih diucapkan kepada Ustaz Dr. Abdullah dan juga Ustaz Engku Fadzil, semua guru-guru saya. Jadi itulah sekadar perkongsian yang saya dapat kongsi dan kerisauan yang ada dalam hati ini ke arah untuk kita bersatu Insya-Allah. Amin ya Rabbal Alamin.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:30:13 - 1:30: 44)

Insya-Allah baik ada satu komen yang ditujukan kepada Ustaz Safwan. Ustaz Safwan cenderung kepada sufi, boleh dilihat daripada kata-katanya. Alhamdulillah. Ada juga daripada Mohamad Syafiq bin Rosman, mohon pendapat ustaz-ustaz ahli panel terhadap perbuatan wahabi mutakhir yang telah berani menterjemahkan kitab-kitab Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mengubah faham maksud dan tafsir dengan diselitkan fahaman mereka kepada masyarakat awam. Ini kesimpulan daripada Dr. Abdullah, silakan.

Ustaz Dr. Abdullah Jalil (ahli panel) = (1:30:59 - 1:34:59)

Bismillah walhamdulillah was salaatu was salaam 'ala rasulillah wa 'ala alihi wasohbihi waman walah. Jadi saya akan cuba buat dengan ringkas Insya-Allah. Baik. Apa kesimpulan yang boleh kita dapat daripada perbincangan kita pada malam ini yang pertama, hendaklah kita memahami konsep-konsep yang ada dalam agama kita. Dari perspektif ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang muktabar sama ada apa yang dinamakan dengan khufur, syirik, bid'ah, ibadah, takhsis, ibadah, dan sebagainya, jangan ambil kefahaman ini daripada bid'ah. Jangan ambil kefahaman ini, konsep-konsep ini, prinsip-prinsip ini daripada ahli bid'ah kerana mereka membawa kefahaman yang sangat berbeza dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jalan selamatnya adalah dengan kita mengambilnya daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah yang memetik daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maksudnya jangan ambil daripada golongan ahli bid'ah ataupun contohnya wahabi yang memetik daripada ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana dalam banyak pengalaman kita mereka khianat. Macam yang disebut dalam komen tadi. Mereka mengambil kalam ulama kita

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

dalam luar konteks kemudian banyak sangat bukti mereka telah takrif, mereka telah mengubah isi kandungan kitab-kitab ulama kita dan ini dikenali sebagai perbuatan golongan mujasimah disebut oleh Imam Tajuddin al-Subki. Beliau sendiri ada sebut dalam kalangan ahli bid'ah yang terkenal dengan mengharuskan memfitnah keatas musuh-musuh mereka, membuat dakwaan-dakwaan palsu, mengubah kitab-kitab, mereka adalah golongan mujasimah Mereka memang terkenal bahkan kalau kita baca sejarah bagaimana mereka memfitnah anak imam Fakhruddin Al Razi untuk menjatuhkan reputasi imam Fakhruddin Al Razi dan sebagainya. Memfitnah isteri Fakhruddin Al Razi untuk membunuh reputasi imam Fakhruddin Al Razi dan sebagainya. Bahkan ada riwayat yang mengatakan imam Fakhruddin Al Razi sendiri diracun oleh golongan qaramiyah satu kelompok daripada golongan mujasimah Maksudnya bila seseorang itu mengambil kefahaman agama daripada golongan-golongan sebegini memang mereka ada terseleweng. Jadi itu yang pertama macam konsep at-takur juga jangan ambil konsep atau apa yang Rasulullah tidak lakukan. Kita sudah ada ulama Syeikh Abdullah Al Hafiz Al Siddiq Al Ghumari dia ada nazam. Nazam ini memang kalau kita bahas tentang konsep at-takur apa yang Rasulullah tidak lakukan menggunakan nazam tak yang disusun oleh Al Hafiz Al Siddiq Al Ghumari sudah selesai masalah kita. Jadi semua konsep-konsep dalam Islam ini sudah ada jawapannya di dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tak perlu diambil daripada luar. Dan ambil daripada orang yang amanah ahlinya daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi maksudnya kalau nak guna media sosial untuk ambil maklumat ilmu boleh. Tiada masalah tapi pastikan orang yang kita ambil memang kita kenal latar belakang dia dan dia adalah orang yang membawa Ahli Sunnah Wal Jamaah secara lengkap holistik. Akidahnya Ahli Sunnah Wal Jamaah, Feqahnya Ahli Sunnah Wal Jamaah, Tasawwufnya Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi itulah pandangan saya pesanan saya ambillah ilmu dan kefahaman agama daripada ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:34:59 - 1:35:04)

Insya-Allah, Baik dan yang terakhir bagaimana pula dengan kesimpulan daripada Ustaz Engku Fadzil. Silakan ustaz.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (1:35:09 - 1:39:57)

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

Bismillah Walhamdulillah Was Salaatu Was Salaam ala Rasulillah. Kembali kepada kesimpulan tajuk kita Apakah Ibadah dan Mengapa Bid'ah sangat penting sekali untuk kita menerapkan fahaman yang betul dalam fikiran umat Islam. Sesuai dengan hadis Nabi SAW barang sesiapa yang Allah hendakkan dengan dia kebaikan nescaya Allah Taala berikan dia faham dalam perkara agama. Jadi sebagaimana yang disebut oleh Dr. Abdullah tadi sangat perlu untuk umat Islam berhati-hati dalam mengambil ilmu dan kefahaman jangan sekali-kali mengambil ilmu dari ahli Bid'ah kerana racunnya itu akan masuk ke dalam fikiran dan ia akan mematikan kecerdasan akal untuk faham dan dia akan merosakkan akhlak daripada berakhlak dengan akhlak muslim. Sebagai contoh dalam ruangan komen ada saya lihat yang pengikut wahabi perlu saya dia kata sampai semput Ustaz Engku, *relax* sudahlah ustaz. Saya bagitau itu bukan semput, itu *style* untuk memampatkan penyampaian dalam waktu yang terhad. Jadi dua perkara yang akan berlaku paling tidak sama ada orang itu terpengaruh dengan fahaman syiah, sama ada dia terpengaruh dengan fahaman wahabi, sama ada dia terpengaruh dengan fahaman liberal, atau fahaman sesat bahtiniyyah dan sebagainya. Mana-mana fahaman luar dari Ahli Sunnah Wal Jamaah, pertama dia akan mematikan kecerdasan akal. Natiujahnya orang itu akan gagal faham. Yang kedua dia akan memburukkan akhlak. Dia akan ada elemen menyakiti kepada saudara-saudara seagama, umat Nabi Muhammad SAW bahkan kalau syiah misalnya lebih parah menyakiti sampai kepada sahabat-sahabat Nabi, r.a ajmain dimaki hamun, dicerca. Bahkan ada sebahagian syiah yang melampau mengkafirkan sahabat-sahabat nabi. Jadi, jangan nombor satu, terpedaya dengan slogan. Slogan memang cantik. Slogan syiah itu mengangkat cinta kepada Nabi dan itu memang pegangan ahli sunnah, kasih kepada keluarga Nabi. Tetapi disebalik slogan cinta kepada keluarga Nabi, syiah mempromosikan benci kepada sahabat-sahabat Nabi. Golongan liberal misalnya diatas slogan mempertahankan hak dan kebebasan, mereka pergi kepada merosakkan peraturan dan hukum hakam. Mereka ingin menghalalkan yang haram yang mengharamkan yang halal. Ini golongan liberal. Demikian juga golongan yang kononnya hakikat dan ma'rifat atas nama hakiki mereka meruntuhkan syariat begitu juga dengan golongan wahabi. Berpagarkan Al-Quran dan sunnah mereka sebenarnya memalingkan ummat daripada Al-Quran dan sunnah kerana mereka menanam kefahaman umat berpandu dengan keterangan para ahli ulama. Pergi taksu kepada keterangan hanya golongan wahabi sahaja. Mereka akan melarang kita daripada mendengar keterangan-keterangan daripada para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah sama ada dengan dihalang atau diselewengkan. Kitab-kitab yang ditulis oleh para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dibuang

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

atau diubah isi kandungannya secara tidak ilmiah oleh golongan wahabi. Jadi kita berharap tokoh-tokoh kita asatizah lebih berani ya berdepan dengan golongan-golongan ini terutamanya golongan wahabi. Golongan syiah rata-ratanya umat Islam atau golongan sesat. Golongan liberal rata-ratanya umat Islam yang berpegang dengan agama tidak minat. Golongan batiniyah orang yang berakal akan nampak penyelewengannya. Tetapi golongan wahabi tidak kena gaya, ustaz pun terpicat, imam pun terpengaruh orang bekerja di Jabatan Mufti, Jabatan Agama mungkin bersimpati dengan wahabi. Kerana apa? Kerana pertama nampak seperti dia betul kerana slogannya berpegang dengan Al-Quran dan sunnah. Dan yang kedua sudah ada wahabi-wahabi yang sangat pandai bertaqiyah kita lebih senang berhadapan dengan orang wahabi yang tidak bertaqiyah kerana mereka *direct* kata asyariah sesat asyariah khafir. Jadi senang kita bekenalan dengan kita. Tetapi wahabi yang berbaju sufi, wahabi yang membaca kitab-kitab pondok wahabi yang pakai serban dan juga selendang, yang ini yang berbahaya kepada masyarakat. Maka kena faham ciri-ciri yang ada pada mereka bukan masalah tidak baca qunut bukan masalah tidak mahu talkin. Tapi masalah mereka itu sebenarnya adalah mensunnahkan bid'ah dan mereka membid'ahkan apa yang sebenarnya sunnah. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1: 39:59 - 1:42:08)

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Baik sebelum kita menghabiskan program hari ini. Saya bacakan antara beberapa komen yang sempat kita baca, tak sempat baca semua ya. Antaranya daripada Pad Ley, 'Wahabi tanpa join politik tak boleh hidup. Lihat sejarahnya saja. Ada yang mempersoalkan'. Zakaria Jusoh, 'puak wahabi semakin diterima di Malaysia sehingga sudah masuk TV kenapa?' Dan daripada Mohd Nor Arifin soalnya atau cadangannya, 'kalau boleh cuba buat kerjasama dengan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah Indonesia untuk memberi kesedaran kepada orang ramai. Kalau dapat buat ceramah dengan Kyai Haji Idrub Ramli atau Ustaz Abdul Somad atau Buya Arrazy Hasyim. Penerangan mereka tentang kesesatan wahabi juga amat jelas'. Dan daripada Sobrun Jamil Qalibun Salim, 'dulu era 90an dalam satu kawasan kampung jarang berlaku atau timbul fahaman-fahaman wahabi, syiah dan lain-lain. Tapi zaman sekarang ni ada keliling pinggang. Minta pihak-pihak yang ada kuasa di sisi undang-undang buatlah sesuatu supaya ada kesudahan'. Dan daripada Pad Ley lagi, 'ikut ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah bersambung sanad ke Nabi pasti selamat. Slogan kembali ke Al-Quran dan

Qurraisyah Amyra binti Baharul Hafidz
014-2375370

sunnah versi Wahabi'. Baik dengan itu Perbincangan Rakyat Demi Melayu akan melabuhkan tirainya insya-Allah untuk program-program akan datang terus setia bersama kami dan dengan itu pihak kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ustaz Safwan Zainal Abidin yang merupakan tenaga pengajar bagi Al-Madrasah Al-Alamiah, Pahang. Ustaz Dr. Abdullah Jalil, yang merupakan pensyarah kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia dan Ustaz Engku Ahmad Fadzil Bin Engku Ali yang merupakan ahli jawatankuasa Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISLAMI) kerana sudi membincangkan, mengangkat dan mengupas topik dengan tajuk Apa Ibadah dan Mengapa Bid'ah. Jadi dengan itu diminta para panel untuk tidak keluar dahulu dan kepada para penonton Pembincangan Rakyat Demi Melayu Asslamualaikum dan terima kasih kerana bersama kami